

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR  
BILANGAN 2/2002**

=====

**PENERIMAAN BAYARAN PREMIUM SETELAH  
TEMPOH BAYARAN LUPUT**

-----

**1. TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan dan memberikan garis panduan kepada semua Pentadbir Tanah Daerah mengenai keputusan Pihak Berkuasa Negeri membenarkan penerimaan bayaran premium walaupun tempoh bayaran telah luput.

**2. LATAR BELAKANG**

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri semasa membincangkan kekurangan kutipan hasil negeri mendapati salah satu sebab utama ialah bayaran premium yang dikenakan masih belum dijelaskan oleh pemilik-pemilik tanah walaupun telah mendapat keputusan rayuan premium mereka. Keadaan ini berlaku kerana keadaan kebanyakan pemilik tanah/pemaju menghadapi masalah aliran wang tunai dan kesukaran mendapat pinjaman daripada institusi kewangan akibat daripada kegawatan ekonomi yang sedang dialami. Bagi mengatasi masalah kekurangan kutipan hasil tersebut Pihak Berkuasa Negeri telah memutuskan supaya semua Pentadbir Tanah Daerah menerima bayaran premium yang dibuat oleh pemilik/pemaju tanah walaupun tempoh bayaran telah luput.

**3. KAEDAH PELAKSANAAN**

- 3.1. Jumlah premium yang hendak dijelaskan mestilah jumlah asal premium yang dikenakan. Ini bermakna kes-kes permohonan yang telah diluluskan pengurangan premium tidak terlibat di bawah kelonggaran syarat ini.
- 3.2. Bayaran premium hendaklah dibuat dalam tempoh 6 bulan selepas tamat tempoh 5A atau 7G yang dikeluarkan. Permohonan yang telah luput melebihi 6 bulan hendaklah membuat permohonan semula bagi permohonan pemberimilikan untuk kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Manakala permohonan tukar syarat dikehendakki mengemukakan permohonan timbang semula untuk kelulusan YAB. Menteri Besar.
- 3.3. Pentadbir Tanah tidak perlu mengeluarkan notis 5A atau 7G yang baru atau surat arahan secara pentadbiran kepada pemilik/pemaju tanah bagi pembayaran premium tersebut.
- 3.4. Bayaran hendaklah dibuat secara sekaligus.

4. **KUATKUASA**

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh keputusan dibuat oleh Pihak Berkuasa Negeri.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

T.T  
**(DATO' ASAHA @ ISHAK ABONG)**  
Pengarah Tanah dan Galian,  
Selangor Darul Ehsan.

Tarikh :           September 2001

**\* PEKELILING INI TERBATAL DENGAN PEKELILING BIL. 3/2003**